



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK
WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA
BAGI TAHUN 2019**

4 JULAI 2019 (KHAMIS)

1.00 PETANG

**GRAND BANQUET HALL,
GURNEY MALL@RESIDENSI UTMKL,
JALAN MAKTAB, KUALA LUMPUR**

Salutasi (Akan diselaraskan pada hari kejadian)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari yang penuh bermakna ini bersempena dengan Majlis Penyampaian Geran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2019.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya semua, Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ahli-ahli MPPWP Kuala Lumpur dan Putrajaya kerana dapat hadir bagi menjayakan majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya saya amat menghargai komitmen, sokongan dan usaha tanpa henti daripada semua pihak dalam menjayakan majlis serta program-program oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

PEMERKASAAN PENGURUSAN DAN PERANAN MPPWP

3. Selaku penghubung di antara Kerajaan dan rakyat di dalam perancangan serta pelaksanaan program kemasyarakatan, Kementerian melihat MPPWP sebagai satu entiti yang amat penting. Selaras dengan semangat Malaysia Baharu, Kementerian telah menambahbaik fungsi dan pelaksanaan MPPWP melalui Memorandum Jemaah Menteri yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah

Menteri pada 15 Mac 2019. Pemerkasaan pengurusan dan peranan MPPWP meliputi beberapa aspek, di antaranya:-

- (a) penstrukturkan semula persempadanan kawasan dan pecahan bilangan MPPWP peringkat Sub Zon bagi memastikan keperluan demografi dan populasi di sesuatu kawasan parlimen dapat dipenuhi;
- (b) pemberian Elaun Tetap Bulanan kepada Pengerusi MPPWP peringkat Zon;
- (c) penyeragaman tiga jawatan utama MPPWP peringkat Zon dan Sub Zon di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan; dan
- (d) pemerkasaan peranan Pegawai Perhubungan di MPPWP peringkat Zon dan Sub Zon untuk memastikan perancangan KPI pelaksanaan program dan aktiviti MPPWP dapat dicapai.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

GERAN PERUNTUKAN

4. Secara khususnya, Kementerian memperuntukkan penyaluran Geran Pengurusan sebanyak RM920,000.00 dan Geran Aktiviti sebanyak RM1,950,000.00 kepada MPPWP Kuala Lumpur serta Geran Pengurusan sebanyak RM60,000 dan Geran Aktiviti sebanyak RM130,000 kepada MPPWP Putrajaya. Susulan daripada itu, bagi melancarkan urusan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti MPPWP, maka semua Pengerusi Zon dan Sub Zon dikehendaki memastikan urusan pembukaan akaun diselesaikan dalam kadar yang segera. Sebarang kelewatan akan menyebabkan pelaksanaan program MPPWP tergendala seterusnya merencatkan urusan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROGRAM IKON REMAJA WILAYAH PERSEKUTUAN

5. Seperti kita semua maklum, pada 16 Mac 2019, YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah melancarkan Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019 yang melibatkan gabungan seramai 2,000 orang remaja yang berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Program ini yang diasaskan daripada Program Youth In Iceland, melibatkan enam (6) modul yang dibangunkan berdasarkan kesesuaian keperluan golongan remaja di Wilayah Persekutuan.

6. Selaras dengan itu, MPPWP dipertanggungjawabkan untuk membantu di dalam penyelarasan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi Program Ikon Remaja mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Besar harapan Kementerian agar semua ahli MPPWP dapat memberikan kerjasama yang utuh dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program ini demi masa depan yang cemerlang buat anak-anak muda warga Wilayah Persekutuan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

HARAPAN

7. Selaras dengan hala tuju dan aspirasi Wilayah Persekutuan yang bertemakan “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”, Kementerian akan sentiasa mendukung usaha Kerajaan dalam memastikan kebajikan warga Wilayah Persekutuan terpelihara. Sehubungan itu, kerjasama daripada semua ahli MPPWP adalah amat diharapkan dalam merealisasikan perancangan yang telah dirangka bagi meningkatkan kualiti kehidupan warga Wilayah Persekutuan. MPPWP disarankan untuk merancang dan menyusun program-program yang bersesuaian dan memenuhi keperluan komuniti di kawasan Parlimen masing-masing.

8. Saya percaya ahli-ahli MPPWP mampu untuk merencana dan melaksanakan program serta aktiviti dengan baik. Di samping itu, saya juga ingin menekankan betapa pentingnya elemen integriti dalam menguruskan geran-geran peruntukan yang diamanahkan. Sekali lagi saya ingatkan agar sebarang urusan melibatkan pembukaan akaun MPPWP hendaklah disegerakan bagi mengelak kelewatan

penyaluran peruntukan dan bagi memastikan urusan pentadbiran dan aktiviti MPPWP berjalan lancar.

9. Di kesempatan ini, izinkan saya untuk berkongsi maksud firman Allah SWT di dalam surah al-Haj ayat 41 yang diterjemahkan: “laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar. (Ingartlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”. Justeru kita sebagai pemimpin, yang juga merupakan khalifah di bumi ini, perlu ingat akan tanggungjawab yang harus dijalankan dengan penuh amanah secara berintegriti.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

PENUTUP

10. Akhir kata, diharapkan semua ahli MPPWP dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya prestasi dan pencapaian hasil kerja kita akan dinilai oleh masyarakat. Oleh itu, sampaikanlah kualiti perkhidmatan yang terbaik. Saya mendoakan agar kita semua akan sentiasa istiqamah dalam apa jua usaha dan tugas yang diamanahkan.

11. Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya menyempurnakan Majlis Penyampaian Geran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2019. Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.